

# Rakyat patut sokong parti memerintah: Dr Mahathir

BH-17/2/2019

➔ Permudah proses reformasi kerajaan dilaksanakan dengan berkesan m/s: 3

Oleh Junita Mat Rasid dan Mohd Anwar Patho Rohman  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**R**akyat patut menyokong parti baharu yang membentuk kerajaan dan mempunyai objektif perjuangan sama dengan parti lama yang pernah menjadi kerajaan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ahli kepada parti yang sudah tidak menjadi kerajaan juga sepatutnya beralih memberi sokongan kepada parti yang menggantikannya bagi membolehkan proses reformasi kerajaan dilaksanakan dengan berkesan.

Katanya, keputusan untuk terus kekal menyokong parti yang tidak lagi menjadi kerajaan akan menyebabkan rakyat berdepan cabaran dan kesukaran untuk meneruskan perjuangan.

“Kita tidak perlu sokong lagi parti lama (tidak menjadi kerajaan). Kita patut meninggalkan parti itu dan bersedia bekerjasama dengan parti lain yang mempunyai objektif perjuangan yang sama. Jika kita terus setia dengan parti lama, kita akan

terpaksa berdepan kesukaran.

“Apabila parti lama itu cuba bangkit, ia juga akan berdepan kesukaran untuk bangkit. Saya percaya kita perlu bersama parti yang kuat kerana ia satu keperluan untuk melakukan perubahan bagi mencapai objektif perjuangan.

“Apabila parti yang baharu melakukan perubahan, rakyat perlu menyokongnya dan ia sepatutnya dilakukan lebih awal,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Pesta Demokrasi Kuala Lumpur 2019 anjuran Gerakan Pembaharuan Untuk Asia Tenggara (FORSEA) di sini, semalam.

## Masa PH tunai janji

Sementara itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan, gabungan parti yang berjaya menumbangkan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada Mei lalu, berkata sekarang adalah masa untuk PH menunaikan janji pilihan rayanya kepada rakyat.

“Rakyat telah memutuskan bahawa sekarang adalah masa untuk pembangkang (sebelum PRU-14) mengambil alih kuasa dan pembangkang telah membuat banyak janji. Jadi sekarang negara sedang memerhatikan kerajaan pembangkang



Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada Pesta Demokrasi Kuala Lumpur 2019, semalam.

ini melaksanakan janji-janji itu.

“Tetapi malangnya mereka (PH) mendapati diri mereka tidak dapat melaksanakan banyak janji mereka. Jadi, kini bermula pusingan seterusnya untuk memperlekehkan kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, sebagai kerajaan yang dipilih rakyat menerusi sistem demokrasi, sekarang adalah masa bagi PH untuk menunaikan janji pilihan raya, namun usaha itu tidak mudah kerana situasi ditinggalkan kerajaan terdahulu sangat teruk yang menyebabkan suasana menjadi sukar.

“Rakyat juga tidak sabar untuk melihat perubahan dilakukan sekarang. Sama ada mereka suka atau tidak, ia akan mengambil masa untuk memperbetulkan kesilapan dilakukan kerajaan terdahulu,” katanya yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, demokrasi adalah antara sistem terbaik dalam memilih sesebuah kerajaan, namun ia bukan sistem yang sempurna kerana turut mempunyai banyak kelemahan dan boleh dieksploitasi.

“Dalam proses demokrasi, sokongan kerjasama rakyat boleh membawa kepada perubahan kerajaan.



Keputusan untuk terus kekal menyokong parti yang tidak lagi menjadi kerajaan akan menyebabkan rakyat berdepan cabaran dan kesukaran untuk meneruskan perjuangan”

Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri

Oleh itu, walaupun ketidaksempurnaannya, ia masih menjadi sistem urus tadbir yang terbaik,” katanya.

Katanya, Malaysia berjaya menerapkan sistem demokrasi pada PRU-14 apabila rakyat mengundi untuk perubahan kerajaan buat pertama kali sejak 61 tahun tanpa sebarang keganasan, disusuli proses peralihan kerajaan yang juga berjalan dengan lancar

## Proses demokrasi

“Kita menyaksikan perubahan kerajaan berlaku akibat proses demokrasi dalam pilihan raya. Biasanya, mereka yang berkuasa akan cuba mengekalkan kedudukan walaupun berdepan semua bantahan. Mereka akan melakukan semua perkara salah, tetapi malangnya mereka tidak berjaya.

“Justeru, peralihan kuasa daripada kerajaan berusia 61 tahun kepada kerajaan baharu ini telah dicapai tanpa keganasan, tiada pergaduhan, kemusnahan dalam negara, tiada peperangan saudara atau apa-apa jua, sebaliknya sokongan padu kepada pembangkang.

“Kerajaan yang sekian lama memerintah terpaksa menerima hakikat bahawa mereka telah hilang kuasa,” katanya.